

# PENGEKALAN DAN PENGALIHAN BAHASA DI KALANGAN MASYARAKAT MINORITI: TUMPUAN KEPADA ORANG ASLI<sup>1</sup>

oleh

*Profesor Madya Dr. Rohani Mohd. Yusof*  
*Puan Noor Hasnoor Mohamad Nor*  
dan

*Encik Muhamad Aidi Mat Yusof*  
Jabatan Linguistik Melayu  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya  
50603 Kuala Lumpur  
MALAYSIA

## 1.0 Latar Belakang

Secara umum, Malaysia adalah sebuah negara yang bersifat dwibahasa/multilingual. Gejala ini berlaku disebabkan penduduknya terdiri daripada berbilang kaum. Masyarakat dwibahasa/multilingual ini muncul apabila terdapatnya penggunaan dua atau lebih bahasa di dalam masyarakat berkenaan. Menurut Darnell (1973, 117-129),

*"...a bilingual country is not where all the inhabitants necessarily have to speak two languages; rather it is a country where the principal public and private institutions must provide services in two languages to citizen, the vast majority of whom may very well be unilingual."*

Jika diperhatikan dalam dunia moden jarang sekali ditemui masyarakat yang ekabahasa, malah hampir semua masyarakat di dunia bersifat dwibahasa/multilingual. Menurut Appel (1994), Malaysia merupakan masyarakat dwibahasa jenis bercampur, yakni sebahagian besar anggota masyarakatnya dwibahasa<sup>2</sup> tetapi masih wujud anggotanya yang ekabahasa. Oleh yang demikian, dalam masyarakat multilingual jenis bercampur ini, fenomena pengekalan (language maintenance) dan pengalihan bahasa (language shift) di kalangan anggotanya merupakan fenomena yang lazim. Pengekalan bahasa (*language maintenance*) muncul apabila

---

<sup>1</sup> Kertas kerja yang akan dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Kuala Lumpur, pada 8-9 November 2006.

<sup>2</sup> Definisi dwibahasa diambil secara am, yakni mereka yang menggunakan dua atau lebih daripada dua bahasa, tanpa mengira taraf kecekapan.



secara kolektif masyarakat terus menggunakan bahasa yang sedia ada (Fasold 1984: 213). Oleh itu pengekalan bahasa adalah usaha yang berterusan bagi menjamin bahasa yang digunakan oleh sesuatu masyarakat atau kaum terus kukuh dan teguh walaupun bahasa tersebut mengalami berbagai-bagai cabaran dan pengaruh persekitaran yang hebat. Malah bahasa adalah komponen penting dalam menentukan identiti dan budaya kepada sesuatu kumpulan (Janet Holmes, 2001: 69), lebih-lebih lagi kepada kumpulan minoriti. Menurut Janet Holmes (2001: 69-70):

*"Maintaining the distinct identity and culture is usually important to a minority group member's self-esteem and this will affect the degree of success achieved in the society."*

Manakala pengalihan bahasa (*language shift*) pula berlaku apabila sesuatu masyarakat menolak bahasa ibunda/asal mereka (Fasold 1984: 213). Jadi pengalihan boleh dirujuk sebagai fenomena kemerosotan penggunaan bahasa sendiri yang dialami oleh sesebuah komuniti bahasa dan kemuncaknya adalah apabila sesebuah komuniti itu menggantikan bahasa tersebut dengan bahasa lain (Ismail Jaafar 1994: 505). Kesannya akan wujud masyarakat atau anggotanya yang mengekalkan bahasa ibunda/asal atau ada yang memilih satu bahasa tertentu dan mengenyahkan bahasa ibunda/asal mereka. Walau bagaimanapun dalam keadaan tertentu, pengalihan bahasa ini cuma bersifat sementara sahaja.

Seterusnya sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan bersifat multilingual, telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang unik. Terdapat tiga (3) kaum terbesar di Malaysia, iaitu Melayu (lebih 50%), Cina (38%) dan India (kurang 10%) (Asmah 1992:143, 151). Berdasarkan bancian *CIA The World Factbook* 1999, terdapat lebih daripada 100 jenis bahasa yang dituturkan oleh 21,376,066 penduduk Malaysia. Menurut Grimes (1996), secara khusus terdapat 38 bahasa di Semenanjung Malaysia, 54 bahasa dituturkan di Sabah dan 46 bahasa di Sarawak. Secara am kepelbagaian bahasa di Malaysia dapat dikategorikan kepada bahasa bumiputera, bahasa pendatang, bahasa pinyin dan bahasa kreol (sila lihat Asmah Haji Omar, 1975 dan 1982). Oleh itu kehadiran kepelbagaian bahasa di Malaysia telah mewujudkan kumpulan minoriti dan majoriti. Misalnya di Malaysia, walaupun kaum Cina besar dari segi bilangannya, namun bahasa Cina masih dianggap bahasa minoriti dari segi sosiologi kerana bahasa Melayu merupakan bahasa utama di negara ini. Keadaan ini menunjukkan, walaupun kumpulan tersebut majoriti dari segi bilangan, tetapi minoriti sifatnya dari segi



penggunaan bahasa. Oleh itu, situasi ini akan membawa pula kepada aspek pengekalan dan pengalihan bahasa daripada bahasa minoriti kepada bahasa majoriti.

Walaupun bagaimanapun akibat daripada berlakunya hubungan sosial, fungsi dan topik perbualan menjadikan pemilihan bahasa penting dalam pelbagai masyarakat bahasa (Janet Holmes, 2001: 21). Dengan demikian, hubungan bahasa-bahasa di Malaysia dari segi fungsi wujud apabila terdapat situasi yang memperlihatkan bahasa majoriti (dalam hal ini Bahasa Melayu Standard) diangkat sebagai bahasa tinggi (*high language* atau H) dan bahasa-bahasa lain menjadi bahasa rendah (*low language* atau L). Pemilihan variasi H dan L ini dikenali sebagai diglosia. Penentuan fungsi ini dibuat menerusi dasar bahasa. Hubungan diglosia yang dimaksudkan ini dapat digambarkan seperti berikut:

H	Bahasa Melayu Standard
L	Semua Bahasa Lain

**Jadual I: Diglosia Bahasa Melayu dan Bahasa-bahasa Lain di Malaysia**

(Disesuaikan dari: Rohani Mohd Yusof dan Noriah Mohamed, 2003)

Secara umum, kewujudan bahasa tinggi dan bahasa rendah serta faktor demografi di Malaysia semakin menggalakkan fenomena pengekalan dan pengalihan bahasa di Malaysia. Keadaan ini secara tidak langsung turut dipengaruhi oleh domain dalam pemilihan bahasa.

### 1.1 Bahan Kajian

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada masyarakat orang asli yang merupakan masyarakat peribumi yang tinggal di Semenanjung Malaysia. Menurut perangkaan dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli<sup>3</sup>, terdapat kira-kira 132,873 orang Asli di Malaysia (sila lihat Jadual II). Dari segi penempatan pula, mereka berada hampir di kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia, kecuali negeri Perlis dan Pulau Pinang. Secara keseluruhan, terdapat 18 kumpulan etnik/suku orang Asli di negara kita. Seterusnya mereka ini boleh dibahagikan kepada tiga (3) kumpulan besar, iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto.

<sup>3</sup> Diperolehi dari Jabatan Hal Ehwal Orang Asli Negeri Perak dan Utara



KUMPULAN	BILANGAN
NEGRITO	4,150
SENOI	72,871
MELAYU-PROTO	55,852
JUMLAH	132,873

**Jadual II: Bilangan Orang Asli Menurut Kumpulan Utama**

Berdasarkan Jadual II di atas, kumpulan Negrito merupakan kumpulan orang Asli yang paling kecil. Kumpulan ini terdiri daripada suku Kensui, Kintak, Jahai, Lanoh, Mendriq dan Bateq. Mereka dikatakan kumpulan orang Asli yang mula-mula datang ke Semenanjung Malaysia. Menurut Carey (1976:13) kumpulan ini telah datang sejak 25,000 tahun yang lampau. Manakala ahli arkeologi pula berpendapat bahawa orang Negrito mempunyai hubungan dengan orang Hobihian yang hidup pada tahun 8000 Masihi dan 1000 Masihi, iaitu semasa zaman Batu Pertengahan (dipetik daripada Colin, 2000: 3). Manakala kumpulan Senoi pula merupakan kumpulan orang Asli yang paling besar jumlahnya, iaitu kira-kira 54 peratus daripada jumlah keseluruhan masyarakat orang Asli. Kumpulan ini terdiri daripada suku Semai, Temiar, Jahut, Che Wong, Mah Meri dan Semoq Beri. Seterusnya kumpulan Melayu-Proto merupakan kumpulan kedua terbesar. Kumpulan ini pula terdiri dari suku Semelai, Temuan, Orang Kanak, Jakun, Orang Kuala dan Seletar. Rata-rata kumpulan Melayu-Proto ini berada di bahagian selatan Semenanjung Malaysia.

Ditinjau dari aspek bahasa pula, bahasa orang Asli tergolong ke dalam rumpun Austroasia dan Austronesia. Dalam hal ini, kumpulan Negrito dan Senoi tergolong ke dalam rumpun Autroasia, manakala kumpulan Melayu-Proto tergolong ke dalam rumpun Austronesia yang serumpun dengan Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun untuk tujuan kajian, tumpuan hanya dilakukan kepada suku Jahai, Lanoh, Mendriq, Semai, Temiar, Mah Meri, Semelai, Temuan, Jakun, Orang Kuala/Duano dan Seletar.



## 1.2 Faktor Yang Mempengaruhi Pengekalan Dan Pengalihan Bahasa Di Malaysia

Wujudnya pelbagai bahasa di sesuatu tempat mendorong kepada berlakunya pertembungan bahasa yang selanjutnya membawa kepada berlakunya gejala-gejala lain. Salah satu daripada gejala akibat daripada pertembungan bahasa ialah pengekalan dan pengalihan bahasa. Dalam hal ini terdapat pelbagai faktor yang mendorong kepada gejala pengekalan dan pengalihan bahasa di Malaysia. Faktor-faktor ini boleh bersifat formal dan tak formal. Di antara faktor-faktor tersebut adalah sosiopolitik, demografi, sosioekonomi, dan sosial seperti pendidikan, perkahwinan, penghijrahan, nilai dan sikap.

### 1.2.1 Sosiopolitik

Faktor politik telah menyebabkan berlakunya pengalihan bahasa di Malaysia. Sebagai sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang bangsa, Malaysia perlu mendahulukan soal perpaduan mengatasi perkara lain. Peristiwa 13 Mei 1969 telah mendorong Malaysia menguatkan akta berkaitan bahasa yang melarang orang ramai daripada mempersoalkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi negara (Raja Mukhtaruddin 1992: 13). Bahasa Melayu juga menjadi bahasa pengantar pendidikan di sekolah-sekolah di Malaysia, di samping peranannya sebagai rasmi.

Semua fungsi yang dimainkan oleh Bahasa Melayu ini memperlihatkan kedudukannya yang mantap dari segi politik dan undang-undang dan dengan demikian semua kaum di Malaysia terpaksa menerima hakikat ini. Hal ini secara tidak langsung merangsang terutamanya generasi muda kaum minoriti mempelajari Bahasa Melayu kerana keperluan dan kebiasaan atau keterpaksaan menggunakannya, terutamanya di dalam situasi rasmi.

Walaupun demikian, situasi di Malaysia agak unik kerana pengalihan bahasa tidak melibatkan penyingkiran bahasa ibunda. Ini disebabkan Bahasa Melayu hanya menguasai domain-domain rasmi, manakala di dalam domain tidak rasmi, bahasa ibunda suku kaum masih kekal digunakan. Kelonggaran yang diberikan dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan menjadi semacam cara untuk memastikan bahasa kaum minoriti terus kekal digunakan. Dalam hal ini kerajaan Malaysia tidak menghalang rakyatnya mempelajari dan menggunakan bahasa ibunda masing-masing. Contohnya dalam memperkatakan bahasa orang Asli, terdapat saluran khas di



RTM yang dinamakan *ASYIK FM* berkumandang setiap hari di udara. Begitu juga di dalam filem, terdapat ruang bagi memaparkan kaum ini. Misalnya watak Melur dalam filem *Hang Tuah* menggambarkan seorang gadis orang Asli yang kemudiannya bercinta dengan tokoh berkenaan. Peluang penggunaan sebegini memberi laluan kepada bahasa-bahasa minoriti untuk terus tumbuh di Malaysia.

### 1.2.2 Demografi

Demografi merujuk kepada kajian tentang ciri-ciri perkembangan penduduk dari segi saiz, kepadatan, tabulan dan sebagainya. Ciri demografi (seperti yang diterangkan dalam 2.0) merupakan satu faktor yang penting dalam pengkalan dan pengalihan bahasa. Hal ini disebabkan saiz penduduk memungkinkan pengalihan bahasa berlaku kerana keperluan untuk memenuhi kehidupan selari dengan persekitaran mereka.

Keadaan pengalihan bahasa ini lebih besar berlaku di kawasan bandar berbanding dengan luar bandar. Kenyataan ini dijelaskan oleh Holmes J (1992: 59) seperti berikut:

*"Resistance to language shift tends to last longer in rural than in urban areas. This is partly a reflection of the fact that rural groups tend to be isolated from the centres of political power for longer, and they can meet most of their social needs in the ethnic or minority language".*

Bagi masyarakat Orang Asli di Malaysia, faktor lokasi memainkan peranan dalam pemilihan dan pengalihan bahasa. Misalnya masyarakat orang Asli yang tinggal hampir dengan bandar, seperti Kampung Bukit Dugang Putrajaya dan Kampung Keramat Panjang, Pontian lebih dominan bertutur bahasa Melayu berbanding bahasa ibunda mereka. Meskipun begitu, faktor demografi ini lebih jelas berlaku beriringan dengan faktor lain seperti pendidikan, perkahwinan dan sebagainya.

### 1.2.3 Sosioekonomi

Rangkaian sosial adalah satu aspek penting dalam komunikasi antara masyarakat. Terdapat pelbagai bentuk ikatan rangkaian sosial yang berbeza-beza bergantung kepada keperluan individu tersebut. Misalnya di kalangan nelayan, rangkaian sosial bertumpu kepada komunikasi mengenai aspek kehidupan di laut, hasil tangkapan, aktiviti penangkapan dan sebagainya yang



berkaitan dengan latar hidup mereka. Satu aspek penting berkaitan dengan rangkaian ini ialah sosio-ekonomi.

Bagi masyarakat orang Asli di Malaysia, mata pencarian setiap masyarakat adalah berbeza-beza bergantung kepada masyarakat dan lokasi. Bagi masyarakat yang berhampiran dengan laut, misalnya kaum Duano/Orang Laut dan kaum Seletar di Johor serta kaum Mah Meri, Seletar, kebanyakan mereka bekerja sebagai nelayan. Manakala kaum seperti Temuan, Semai, Temiar, Jahai, Mandriq pula terlibat dengan pertanian atau mencari hasil hutan.

Dalam konteks komunikasi sesama mereka, secara umum mereka menggunakan bahasa ibunda. Kebanyakan daripada mereka ini kurang berpendidikan atau hanya mendapat pendidikan secara asas sahaja. Namun dalam konteks jual beli, terutamanya bila peraih atau orang tengah yang datang mengambil hasil bukan sebangsa dengan mereka. Oleh itu dalam konteks ini komunikasi berlaku dalam bahasa Melayu. Ada sesetengah mereka yang tidak dapat bertutur bahasa Melayu dengan baik mengharapakan kawan-kawan untuk membantu rundingan jual beli tersebut. Namun dalam satu keadaan yang terhad terdapat juga peniaga yang masuk ke dalam kelompok minoriti menggunakan bahasa masyarakat berkenaan. Dalam situasi ini, didapati komunikasi berjalan lebih lancar. Gejala ini diperolehi sewaktu kajian terhadap kaum Semai di kawasan Tapah-Cameron Highlands dilakukan.

Walaupun bagaimanapun, ada juga masyarakat orang Asli terutama generasi muda yang bekerja di luar dari kawasan seperti di kilang-kilang mahupun pejabat kerajaan, tetapi jumlahnya agak sedikit. Bagi golongan ini pengalihan berlaku dari bahasa ibunda kepada bahasa Melayu atau bahasa Inggeris, bergantung kepada keperluan komunikasi tersebut.

Contoh-contoh di atas membuktikan bahawa rangkaian sosial sangat penting dalam masyarakat. Rangkaian sosial menentukan had hubungan sosial antara seseorang individu masyarakat. Keperluan ekonomi yang sama mewujudkan jaringan sosial yang lebih rapat. Pemilihan bahasa dalam tujuan ini penting bagi mewujudkan fahaman menyaling antara penutur orang Asli dengan bangsa lain.



#### 1.2.4 Pendidikan

Faktor pendidikan turut mempengaruhi pengekalan dan pengalihan bahasa di Malaysia. Di Malaysia, bahasa pengantar pendidikan yang utama ialah bahasa Melayu. Penggunaan bahasa Melayu dalam pendidikan akan menyebabkan penutur di kalangan kaum minoriti menggunakan bahasa Melayu secara meluas di institusi pendidikan seperti sekolah, maktab dan universiti. Hal ini semakin berkesan apabila Bahasa Melayu diberikan nilai ekonomi dan nilai kelulusan akademik. Disebabkan Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa pengantar di institusi pendidikan, ada kaum minoriti yang lebih mementingkan bahasa ini berbanding bahasa ibunda mereka. Walau bagaimanapun, timbul polemik dalam fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar apabila dalam tahun 2003, bahasa Inggeris telah diangkat sebagai medium bagi mata pelajaran sains dan matematik.

Berdasarkan kajian lapangan yang dijalankan, bahasa Melayu mengatasi bahasa lain dari segi penggunaannya. Kelas-kelas tadika di perkampungan orang Asli kesemuanya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Bahkan, guru-guru tadika tersebut juga berbangsa Melayu. Bahasa orang Asli hanya digunakan di kalangan kanak-kanak semasa berinteraksi sesama mereka. Misalnya apabila ada di antara mereka tidak faham arahan guru, maka mereka akan bertanya sesama sendiri dalam bahasa ibunda mereka. Kadangkala guru meminta kanak-kanak menjelaskan perkara yang diajarkan olehnya dalam bahasa ibunda kanak-kanak agar mereka lebih faham perkara tersebut. Contoh sebegini diperolehi dari perkampungan orang asli Hulu Langat dan Kampung Cangkat Bintang di Hulu Selangor.

Dalam pendidikan peringkat rendah dan menengah mahupun universiti, masyarakat orang Asli perlu mematuhi sistem pendidikan yang digariskan oleh kerajaan, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa pengantar. Malah sehingga kini, belum ada lagi bahasa orang Asli yang dijadikan sebagai satu mata pelajaran atau bahasa elektif seperti bahasa Iban, bahasa Kadazan atau bahasa vernakular lain sama ada di sekolah atau institut pengajian tinggi. Oleh itu keadaan ini secara tidak langsung telah mendorong berlakunya pengalihan bahasa sebagai memenuhi tuntutan sistem pendidikan negara.

Pendidikan tidak formal pula meliputi aspek sosialisasi, iaitu proses mempelajari perkara-perkara yang diamalkan oleh masyarakat bagi membolehkan seseorang berfungsi dalam



masyarakat tersebut. Keluarga merupakan agen utama proses ini. Dalam masyarakat orang Asli proses sosialisasi ini berlaku dengan menggunakan bahasa ibunda dan juga bahasa pilihan, seperti bahasa Melayu. Faktor pemilihan dan pengalihan bahasa di dalam proses sosialisasi ini amat bergantung kepada bahasa perhubungan dalam sesebuah keluarga. Manakala di peringkat lebih besar yang melibatkan masyarakat, ada sesetengah tempat, seperti kaum Mandriq di Kuala Lah, Gua Musang dan Temiar di Hulu Kelantan masih menggunakan bahasa ibunda. Begitu juga dalam upacara adat seperti upacara Moyang yang dilakukan oleh orang Mah Meri di Pulau Carey, Selangor menggunakan bahasa ibunda mereka. Di samping itu, adakalanya berlaku juga proses pencampuran antara bahasa ibunda dan bahasa Melayu seperti dalam upacara adat seperti yang diperolehi dari Kampung Geruntum, Gopeng Perak, misalnya:<sup>4</sup>

"Ampun seribu ampun  
 Tuah cahaya jin ng kiliq  
 Dulat, berael jin ng kiliq  
 Sembah salam hormat  
 Jug tampar jug loi nu ubun-ubun  
 Sorg nu henglei, ce'eh seribu'  
 Rendah loat, tinggi nij ne harap edn nu diri jin."

Terjemahan:

"Ampun seribu ampun  
 Tuah cahaya tuan saya keleg  
 Daulat, 'bera'el' (karisma) tuan saya junjung  
 Sembah salam hormat  
 Dari tapak kaki sampai ke ubun-ubun  
 Rambut sehelai pecah seribu  
 Rendah gunung, tinggi lagi harapan saya pada tuan."

Pada hari ini, ramai di antara masyarakat orang Asli yang telah memeluk agama Islam. Dalam pendidikan agama Islam, sama ada secara formal dan tidak formal, kebanyakan dijalankan dalam bahasa Melayu. Hal ini disebabkan guru-guru agama yang mengajar di surau atau rumah terdiri daripada pegawai daripada Jabatan Agama Islam Negeri yang berbahasa Melayu. Namun kini untuk memudahkan pemahaman, pihak jabatan agama negeri telah berusaha melatih para pendakwah yang terdiri dari kalangan orang asli. malah isi kandungan pengajaran dalam bentuk yang difahami oleh pelajar. Jadi, jika ditinjau dari sudut pendidikan formal dan

---

<sup>4</sup> Disesuaikan dari Juli Edo, 1988. *Agama dan Perubatan Semai*, Tesis Sarjana Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, halaman 65-66.



tidak formal, kecenderungan mengalih atau mempertahankan bahasa adalah lebih besar di kalangan masyarakat orang Asli demi memenuhi tuntutan kehidupan persekitaran mereka.

#### 1.2.5 Perkahwinan

Aspek sosial merangkumi segala aktiviti yang dilakukan oleh sesuatu masyarakat. Salah satu aspek ialah melalui institusi perkahwinan. Dalam konteks masyarakat orang Asli, perkahwinan boleh berlaku dalam suku kaum yang sama, suku kaum yang berbeza, tetapi dalam kelompok yang sama dan berbeza. Bagi suku kaum yang sama, misalnya Temuan dengan Temuan seperti yang disaksikan di Kampung Gerinci, Kuala Kubu Baru, penggunaan bahasa ibunda masih kekal. Bagi suku kaum berbeza tetapi dalam kelompok yang sama, misalnya suku Temiar dan Semai dari kelompok Senoi, bahasa yang dominan, yang berkait rapat dengan faktor demografi akan digunakan dan situasi ini ditemui di Pos Slim/Pos Raya, Perak. Bagi perkahwinan daripada kelompok yang berbeza, misalnya kelompok Negrito (Mendriq) dan Senoi (Temiar), pemilihan satu bahasa lain akan berlaku. Umumnya, bahasa Melayu dipilih sebagai bahasa komunikasi mereka dan gejala ini ditemui berlaku di Kampung Kuala Lah, Gua Musang, Kelantan. Begitu juga halnya bagi perkahwinan di antara orang Asli kaum Seletar dengan bangsa Cina seperti di Kampung Bakar Arang, Gelang Patah, telah menggunakan bahasa Melayu untuk komunikasi dalam keluarga mereka.

Seterusnya dalam upacara perkahwinan juga, adat suku kaum masih digunakan oleh kaum orang Asli. Misalnya dalam upacara adat di Kampung Geruntum, Gopeng, bahasa suku kaum Semai digunakan untuk mengahwinkan pasangan pengantin. Namun demikian terdapat juga bahagian yang dicampurkan dengan penggunaan bahasa Melayu (sila lihat contoh di halaman 9).

#### 1.2.6 Penghijrahan

Perpindahan atau penghijrahan juga merupakan negara yang mempengaruhi pengekalan dan pengalihan bahasa dalam konteks Malaysia. Pengekalan bahasa bagi kaum yang berpindah ini amat bergantung kepada kekuatan kesetiaan mereka kepada bahasa ibunda mereka. Pengekalan bahasa lebih mudah dilaksanakan sekiranya suku kaum yang berpindah ini berjaya membentuk sebuah komuniti di sesuatu tempat, apatah lagi jika mereka berjaya menguasai



sesuatu tempat itu dari segi politik, ekonomi atau budaya. Perpindahan yang dilakukan secara besar-besaran ke sesebuah tempat sehingga tempat berkenaan menjadi besar dan perpindahan dari kawasan pedalaman ke wilayah pantai dan bandar untuk mencari perlindungan serta pekerjaan juga berjaya mewujudkan fenomena pengalihan bahasa. Harris (1994) (di dalam Martin 1994) menyatakan bahawa peralihan bahasa di kalangan orang Murut di Keningau dan Beaufort di Sabah, daripada bahasa ibunda mereka kepada bahasa Melayu berlaku disebabkan perpindahan secara besar-besaran sehingga kedua-dua kawasan tersebut menjadi bandar besar.

Sebaliknya pula penghijrahan yang dilakukan oleh kaum tertentu mungkin melibatkan pengorbanan terhadap bahasa mereka. Kaum yang berpindah ke sebuah negara yang mempunyai lebih ramai penduduk asal dan majoriti dari segi sosiologi, sudah pasti akan mengalami berbagai-bagai kesulitan untuk mengekalkan bahasa mereka. Dalam keadaan ini pengalihan bahasa mudah berlaku. Dalam usaha menyesuaikan diri di tempat baharu, unsur-unsur setempat akan mudah menyerap masuk. Hal ini misalnya apabila berlakunya penghijrahan di kalangan kaum orang asli dari habitat asal ke penempatan baru sama ada yang disediakan oleh pihak kerajaan atau penghijrahan yang melibatkan faktor ekonomi. Contohnya yang berlaku di kalangan orang Duano/orang Laut yang dikatakan berasal dari Indonesia (Pulau Sumatera, Riau, Tanjung Balai) ke kawasan di sekitar Johor. Pada peringkat awal mereka hidup di dalam sampan, kemudian berpindah randah ke daratan seperti yang ada sekarang.<sup>5</sup> Keadaan ini menjadi bertambah ketara apabila berlaku perkahwinan campur antara pendatang dengan masyarakat setempat. Malah sebahagian besar di antara kaum orang asli ini tidak dapat langsung menuturkan bahasa ibunda mereka dengan baik.

### 1.2.7 Nilai dan Sikap

Pertembungan antara satu budaya dengan yang lain merancakkan proses peminjaman. Biasanya bahasa yang berprestij lebih tinggi akan memberi pinjaman kepada bahasa yang lebih rendah prestijnya, iaitu bahasa golongan majoriti akan meminjamkan kepada golongan minoriti. Ini amat berkaitan dengan diglosia yang diuraikan oleh Ferguson (1966:112),

---

<sup>5</sup> Sumber diperolehi dari Tok Batin Seman Abu Bakar di Kampung Keramat Panjang, Pontian, Johor, pada 1-6 September 2006.



*"two varieties of a language exist side by side throughout the community, each serving different functions, the L (low) variety often being confined to areas such as home, everyday activities, friendship; and H (high) variety often acquired by speakers later than L, reserved for use in fields of education, religion, administration, etc."*

Ini bermakna dalam menentukan L dan H sesuatu bahasa, faktor rangkaian sosial, sikap dan nilai terhadap bahasa sangat penting. Bagi hubungan yang lebih formal seperti di sekolah, institusi, urusan pentadbiran, pengalihan kepada bahasa Melayu standard di kalangan masyarakat orang Asli di Malaysia amat ketara. Semasa menjalankan pemerhatian secara tidak langsung di beberapa kawasan penempatan orang Asli, misalnya di Kampung Simpang Arang, Johor, masyarakat orang Asli bertutur menggunakan bahasa Seletar semasa bersembang sesama mereka selepas pulang dari laut. Ikatan rangkaian sosial ini wujud berasaskan kepada latar kehidupan dan keperluan yang sama, iaitu membicarakan kehidupan nelayan, keluarga dan sebagainya. Namun, apabila datang peraih yang membeli hasil tangkapan, mereka akan beralih kepada bahasa Melayu dalam urusan jual beli. Begitu juga kanak-kanak di Tadika di kawasan tersebut, turut bertutur dalam bahasa Melayu Standard semasa di sekolah, tetapi semasa bermain pada waktu petang ada sesetengah sahaja yang bertutur dalam bahasa Melayu, manakala yang lainnya mengekalkan bahasa ibunda. Sebahagian daripada mereka secara tidak langsung mengalihkan bahasa ke dalam bahasa Seletar yang dianggap akan lebih mesra dan rapat di kalangan mereka.

Seterusnya terdapat juga di antara masyarakat orang Asli yang merasa rendah diri jika bertutur dalam bahasa ibunda mereka. Di kalangan masyarakat setempat, fenomena ini jelas kelihatan terutama di kalangan generasi muda yang mendapat pendidikan di sekolah kerajaan. Malah ada sesetengahnya lebih merasa bangga jika dapat bertutur bahasa Inggeris dengan baik. Ini secara tidak langsung menjelaskan sikap mereka yang merasa lebih berprestij apabila menuturkan bahasa lain seperti bahasa Melayu dan Inggeris di kalangan mereka.

Walau bagaimanapun, penguasaan bahasa yang mantap dan baik akan menimbulkan rasa sayang seseorang terhadap bahasanya. Ini menimbulkan kesetiaan terhadap bahasa dan menyebabkan individu berkenaan ingin supaya bahasanya terus kekal digunakan. Apatah lagi bahasa menunjukkan maruah sesuatu kaum atau bangsa. Dalam hal ini sudah pasti ibu dan bapa akan memastikan anak-anak mereka mewarisi bahasa yang mereka tuturkan. Hal ini juga



membantu bahasa-bahasa minoriti di Malaysia terus teguh penggunaannya di kalangan kaum minoriti.

### 1.3 Kesimpulan

Proses pengekalan dan pengalihan bahasa adalah proses yang saling bertumpan-tindih. Proses pengalihan bahasa bermula daripada proses pengekalan bahasa yang tergugat kedudukannya oleh faktor yang pelbagai. Melalui contoh yang dikemukakan, jelas bahawa ada kaum minoriti yang berjaya mempertahankan bahasa mereka agar terus kekal digunakan sehingga ke hari ini. Malah ada yang dapat mempengaruhi kaum lain menggunakan bahasa mereka kerana adanya kaitannya dengan gejala bahasa dominan. Walau bagaimanapun terdapat juga faktor sosial tertentu yang berupaya untuk membantutkan pengalihan bahasa di kalangan kumpulan minoriti, sekurang-kurangnya untuk satu tempoh waktu tertentu (Janet Holmes, 2001: 62), misalnya jika bahasa itu dianggap sebagai simbol identiti yang penting. Sebaliknya di kalangan kaum minoriti yang tidak dapat mengekalkan keutuhan penggunaan bahasa mereka, mereka terpaksa menerima proses pengalihan sehingga menggunakan bahasa lain sebagai bahasa pertama atau bahasa ibunda mereka. Hal berkaitan pengekalan dan pengalihan bahasa penting diketahui oleh sesuatu kaum supaya mereka berupaya meningkatkan ketahanan bahasa mereka daripada tergugat oleh bahasa lain dan seterusnya pupus. Untuk itu kaum minoriti perlu memikirkan soal perancangan bahasa mereka untuk memungkinkan bahasa mereka terus bertahan.



## BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan, 1989. *30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Appel, R. and Musyken, P. 1987. *Language Contact and bilingualism*. London: Edward Arnold.
- Asmah Haji Omar, 1975. *Essays on Malaysian linguistics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_, 1982. *Language and Society in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_, 1988. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_, 1992. *The Linguistic Scenery in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Carey, Iskandar, 1976. *Orang Asli: The Oboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*, London: Oxford University Press.
- Darnell, R. (ed.), 1973. *Canadian Languages in Their Social Context*. Edmonton, Canada: Linguistic Research.
- Fasold, R. 1984, *The Sociolinguistics of Society*. Oxford: Basil Blackwell.
- Fujimoto, H, 1988. *The South Indian Muslim Community and the Evolution of the Jawi Peranakan in Penang up to 1948*.
- Grimes, B.F. (ed.), Pittman, R.S. & Grimes, J.E. (consulting editors), 1996. *Ethnologue: languages of the world*, SIL International, 13<sup>th</sup> Edition 1996-1999. Versi internet di alamat <http://www.sil.org/ethnologue/ethnologue.html>.
- Holmes, Janet, 2001. *An Introduction to Sociolinguistics* (Second Edition), United Kingdom: Pearson Education Limited.
- Ismail Jaafar, 1994. "Penganjakan Bahasa di Malaysia", di dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Jilid 38, Jun 1994, hlm. 505-514.
- Juli Edo, 1988. *Agama dan Perubatan Semai*, Tesis Sarjana Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Kamus Dewan* (edisi baru), 1989. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Martin, P.W, 1994. "Perubahan ekologi bahasa di Borneo Utara", di dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, April 38, April 1994, hlm.311-318.



- Nicolas, Colin, 2000. *The Orang Asli and the Contest for Resources: Indigenous, Politics, Development Identity in Peninsular Malaysia*, Copenhagen: International Work Group of Indigenous Affairs.
- Nik Safiah Karim, 1990. *Beberapa Persoalan Ssiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed, 1994. "Pemeringkatan Bahasa di Malaysia", di dalam *Jurnal Dewan Bahasa*, Julai 1994, hlm. 602-610.
- \_\_\_\_\_, 2003a. *Beberapa Topik Asas Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Raja Mukhtaruddin Raja Mohd. Dain, 1992. *Pembinaan bahasa Melayu: Perancangan Bahasa di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohani Mohd Yusof dan Noriah Mohamed, 2003. "Language Shift and Language Maintenance Among the Minority Groups in Malaysia", dalam *The Fourth International Symposium and Festival in Ulan Ude, Republic of Buryatia, USSR*, pada 25-28 September 2003.